

Bayaran royalti negeri pembangkang lebih tinggi

Kuala Lumpur: Pembayaran royalti kepada negeri pembangkang jauh lebih tinggi daripada yang diambil Kerajaan Persekutuan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, jumlah royalti kepada Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu yang ditadbir Perikatan Nasional (PN) adalah lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

“Kalau kita kumpulkan, lebih tinggi daripada jumlah royalti yang kita ambil. Tapi fakta itu, kadang-kadang tidak sampai di bawah,” katanya pada sesi Town-Hall.

Anwar berkata, kerajaan pim-

pinannya sentiasa mengadakan rundingan baik dengan negeri pembangkang khususnya dalam soal kebajikan rakyat.

“Soal urusan (rakyat), kerajaan runding baik apa keperluan dan kita laksanakan, perbezaan politik kita ketepikan dan saya tidak nampak penentangan dalam hal ini.

“Soal yang dibangkit, iaitu royalti, saya bagi angka (peruntukan) untuk Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, itu jauh lebih tinggi dari tahun sebelumnya,” katanya.

Anwar turut mengajak semua pihak bekerja sebaik mungkin serta memastikan tatakelola ber-

ada pada tahap tertinggi.

“Jangan anggap kita buat ter-baik, bagaimana nak tahu kita baik atau tidak? Kita dengar pandangan lain dan banding kekuatan dengan negara lain,” katanya.

Gaji penjawat awam naik

Sementara itu, beliau secara berseloroh, berkata akan mengambil gaji bermula tahun hadapan kerana keputusannya tidak mengambil gaji sejak menjadi Perdana Menteri disindir pembangkang.

“Sebab itu saya katakan sementara gaji penjawat awam naik, gaji menteri tak naik dan masih ada potongan 20 peratus.

Bila saya kata tak ambil gaji, kena sindir. Jadi, saya fikir mungkin tahun depan saya nak ambil balikkah.

“Aneh tak? Kita tak ambil gaji, elaun Parlimen kita ambil. Azizah (Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail) juga ada elaun Parlimen. Campur-campur OK, saya bukan miskin,” katanya.

Anwar menyifatkan isu gaji yang dibangkitkan itu juga perkara remeh dan menyelar kenyataan dibuat pemimpin pembangkang ketika di Parlimen baru-baru ini.

“Boleh kritik, dasar belum cukup, tak apa, tak ada masalah, tapi berilah cadangan. Ini tak ada

cadangan, yang ada hanya maki hamun,” katanya mengakui tempoh dua tahun pentadbirannya terlalu awal untuk dinilai semua pihak.

Bagaimanapun, tegas Anwar, dalam tempoh dua tahun Kerajaan MADANI, pelbagai langkah telah dilaksanakan dengan segera yang tidak perlu menunggu sehingga habis penggal.

Katanya, kadar bantuan disalurkan kerajaan, antaranya Sumbangan Tunai Rahmah meningkat sepanjang dua tahun pentadbiran Kerajaan MADANI, selain peningkatan bantuan sekolah dan kesihatan serta untuk anak autisme.